



LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/PUKONSA/UPKJ/Suruhanjaya Tenaga dalam gred, kategori, pengkhususan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

| Tajuk Projek | No. Kontrak | Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala | Tempat Dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tawaran tutup |
|--|-------------------|---|---|-----------------------------------|---|
| Cadangan Peningkatan Pemasangan Elektrik Serta Pemanduaian Elektrik Dan Janakuasa Tunggu Sedia Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kompleks Hatcheri Lot 5565, Kg. Badong, Pahang. | LKIM: S14/2018 | Kelas C Suruhanjaya Tenaga Gred: G2 Kategori: ME Pengkhususan: E04 & E32 | Pejabat LKIM Negeri Pahang Taman Pemprosesan Ikan Kuantan, Jalan Seri Kemunting 2, Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang. Tarikh: 30 Ogos 2018 hingga 3 September 2018 | RM 50.00 incl GST | Unit Perolehan, Bahagian Kewangan Dan Akaun Wisma LKIM Jalan Desaria, Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor Tarikh: 7 September 2018 Waktu: 12.00 Tengahari |
| Taklimat projek dan lawatan tapak adalah <u>diwajibkan</u> . Berkumpul di <u>Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Nenas, Kompleks Perikanan LKIM Nenas, 26680 Pekan, Pahang</u> pada <u>30 Ogos 2018, jam 12.00 Tengah Hari</u> . | | | | | |

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tawaran adalah diwajibkan, hanya penama yang tercatat dalam siji PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/Syarikat tidak boleh mewakilkan kepada pegawai lain selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Bayaran bagi dokumen tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai/Wang Pos/Kiriman Wang diatas nama **LKIM KUMPULAN WANG REZAB**. Dokumen tawaran akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (jika berkenaan) serta Sijil Pendaftaran Kontraktor Elektrik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) beserta satu salinan siji-sijil tersebut. Bagi kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

Dokumen Tawaran yang lengkap disi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermateri dengan menulis tajuk tender di sudut atas sebelah kiri dan hendaklah dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di alamat **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan Dan Akaun, Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor.**